

Johan Pertandingan Scrabble Peringkat W.P Labuan : SK Pekan Satu Mewakili W.P Labuan Ke Pulau Pinang



LABUAN , 15/06/2018 – SK Pekan Satu berjaya memegang tempat pertama di Pertandingan Scrabble Sekolah Rendah Peringkat Negeri baru-baru ini bertempat di Bilik Benua BTPN . Pertandingan tersebut terbuka kepada seluruh sekolah rendah dan sekolah menengah di W.P Labuan . Adik Muhammad Daniel Faris bin Mohd Fazil dan adik Che Wan Ahmad bin Che Wan Mat Yusof merupakan peserta mewakili SK Pekan Satu telah berjaya membawa nama sekolah untuk ke bertanding ke peringkat kebangsaan yang berlansung di UITM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh sempena Karnival Perpaduan Bahasa Inggeris Peringkat Kebangsaan.

Puan Wong Lee Choo yang merupakan guru pengiring dan juga guru yang melatih para johan celik merasa amat bersyukur atas kejayaan anak muridnya atas usaha mereka .

Pada mulanya , saya tidak sangka bahawa kami akan johan kerana saingan teramatlah sengit . Namun , saya bersyukur bahawa ini semua berkat usaha dan doa dari ibu bapa serta seluruh warga SKPS yang telah banyak memberi sokongan kepada kami. “ katanya.

Para johan bersama Puan Wong Lee Choo telah berangkat ke Pulau Pinang pada 16 Ogos 2018 (Khamis) untuk bertanding dengan sekolah-sekolah lain di sana . Keberangkatan di Lapangan Terbang W.P Labuan mereka diiringi oleh Guru Besar SKPS , Pn Anita bt Shyamini serta Pn. Zailiana Zainol, Guru Penolong Kanan Kokurikulum, SK Pekan Satu serta guru-guru dan ibubapa .



SKPS truly number 1 !
Labuan Hebat Guru Sayang Muridnya
Kemenjadian dan kecemerlangan murid bermula disini